



## 'Around The World' pameran budaya antarabangsa

Lebih 1000 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkunjung ke pameran mengelilingi dunia yang dikenali sebagai 'Around the World : Exchange Fair' anjuran AIESEC UMP dengan kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad) dan AIESEC Malaysia.

AIESEC merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang terdiri dalam kalangan generasi muda termasuk pelajar universiti dalam membangunkan bakat kepimpinan melalui pengalaman dan sehingga kini organisasi ini mempunyai lebih 86 ribu keahlian melibatkan 124 negara dari seluruh dunia.

Menurut Presiden AIESEC UMP Sue Qi Jian, program julung kalinya diadakan di universiti ini berjaya mencapai sasaran dengan menarik lebih ramai pelajar untuk menyaksikan sendiri kepelbagaian budaya melibatkan sembilan negara iaitu Vietnam, Cambodia, Indonesia, India, Germany, Egypt, Pakistan, Sri Lanka, Korea, Australia dan Malaysia.

"Dalam program ini, pelajar berpeluang mengetahui latar belakang sesebuah negara, bahasa, adat dan kebudayaan sesebuah negara itu. Lebih menarik, penganjuran ini mendapat sokongan daripada Kelab Kebudayaan UMP.

"Antara yang mengambil bahagian adalah Japanese Language Professional Club (JANPU), Chinese Cultural Council (CCC), Malay Cultural Council (JKM), Indian Cultural Council (JKI), SMASS,

Espansyol Malaysia (ESPANSIA)," katanya dalam majlis yang perasmian yang berlangsung di Dewan Astaka UMP pada 15 Mac 2014 yang lalu.

Menurut beliau, AIESEC UMP ditubuhkan sejak tiga tahun lalu aktif menjalankan aktiviti dan menjalinkan hubungan kerjasama yang baik dengan AIESEC Malaysia. Penganjuran ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar untuk meningkatkan pengetahuan dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan di gerai pameran.

Sementara itu, pelajar Fakulti Teknologi, Nurul Fazirah Md. Naser yang merupakan Junior Eksekutif Program Pembangunan Komuniti Antarabangsa (oGCDP) AIESEC UMP berkata, penglibatannya dalam AIESEC ini memberi peluang kepadanya untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi, mengenali kebudayaan sesebuah negara serta berpeluang mengenali lebih ramai orang daripada pelbagai negara.

Majlis dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Duta Laos, HE Khamphan Anlavan, Pegawai Kaunselor Kedutaan Laos Phongsamouth Anlavan dan Alexander Gulko dan Alena Belozertseva yang mewakili Kedutaan Rusia.

Dalam majlis ini, delegasi ini turut berpeluang beramah mesra dengan pelajar dengan melawat gerai pameran serta menyertai aktiviti sepanjang program berlangsung.

